

DATE : 15 October 2012
PUBLICATION : myMetro
SECTION : -
HEADLINE : Bina kedudukan kukuh di Asia



myMetro  Bisnes

Bina kedudukan kukuh di Asia

Oleh Helmy Abd Rahman
helmy@hmetro.com.my

   A+ A- 

MAYBANK Asset Management Sdn Bhd (Maybank Asset Management) yang dulunya dikenali Mayban Investment Management Sdn Bhd, yakin mampu mencapai matlamatnya menjadi peneraju dalam industri pengurusan aset di Asia menjelang 2017.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nor' Azamin Salleh berkata, keyakinan itu selepas pihaknya mengambil langkah menyatukan semua perniagaan pengurusan asetnya di bawah satu bumbung, merangkumi Maybank Asset Management dan Maybank Ventures di Malaysia; KE Capital Partners (Singapura), Kim Eng Asset Management (Thailand) dan ATR Kim Eng (Filipina).

"Langkah penyatuan ini mampu memberikan lebih tumpuan, memaksimumkan keupayaan, mencapai proses kerja kolektif secara cekap dan meningkatkan capaian Maybank di Asia.

"Secara kolektif, kumpulan Maybank Asset Management mengunjurkan untuk menjana aset secara kolektif di bawah pengurusan sebanyak RM37 bilion menjelang 2015 dengan pertumbuhan kira-kira 50 peratus setiap tahun," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, langkah yang diambil itu juga tepat pada masanya berikutan pasaran Asia kini mewujudkan limpahan peluang pertumbuhan kepada pengurus aset antarabangsa.

"Langkah kami di Asia bertepatan kerana rantau ini lokasi menarik bagi pelabur. Ini disokong jangkaan pertumbuhan positif dalam tempoh awal tahun ini bagi industri pengurusan aset di Asia (kecuali Jepun) yang dijangka berkembang sehingga AS\$4 trilion (RM12.2 trilion) menjelang 2015," katanya.

Menurutnya, matlamat pertama kumpulan ialah untuk membina asas di pasaran yang terdekat iaitu negara ASEAN kerana lebih arif dengan budaya, etika perniagaan dan ekonominya.

"Sasaran kami mengukuhkan kedudukan kami di ASEAN dan kemudiannya Asia keseluruhannya. Pelabur juga akan memiliki laluan kepada produk dan tawaran kami menerusi pelbagai kemudahan antaranya kumpulan pemasaran kami, cawangan Maybank, pusat perbankan peribadi dan medium dalam talian yang mungkin akan ditawarkan," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : 2012/10/15